

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

7.3 Penentangan Masyarakat Tempatan Terhadap Kuasa Barat

Kekuatan	Kelemahan
Pada peringkat awal, perjuangan pembesar tempatan berjaya. Menggunakan strategi muafakat, membina kubu pertahanan, penggunaan teknologi senjata dan perundangan (a) Muafakat - Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela, Ngah Ibrahim, Dato' Sagor dan pembesar Melayu lain mengadakan pakatan sulit untuk menghapuskan J.W.W. Birch - Sharif Masahor dan Dato' Patinggi Abdul Gapur berjaya menyerang Kanowit dan Kuching (b) Kubu pertahanan - Yamtuan Antah – kekuatan kubu di Paroi dan Bukit Putus yang terletak di atas bukit yang tinggi - Rentap – kubu di Bukit Sadok utuh di kawasan curam dan bukit tinggi, dikelilingi hutan rimba dan bukit batu kapur serta terdapat halangan kayu belian setebal dua kaki yang tidak boleh ditembusi peluru (c) Teknologi senjata - Dol Said menggunakan senapang jenis <i>flintlock</i> dan <i>snider riffles</i> serta meriam kecil (lela rentaka) (d) Perundangan - Haji Abdul Rahman Limbong memohon lesen <i>pleader</i> untuk membela para petani di mahkamah dengan menggunakan hujah agama - Menyatakan bahawa tanah yang dikerjakan ialah "Hak Allah SWT"	(a) Penentangan bersenjata Yamtuan Antah pejuang terbilang - Yamtuan Antah kehabisan peluru dan kekurangan ubat bedil Rentap wira Bukit Sadok - Brooke gunakan meriam tembaga "Bukit Sadok" dan tentera besar (b) Ancaman perundangan Barat Haji Abdul Rahman Limbong Kebangkitan tahun 1928 Kebangkitan Tani di Marang, Kuala Tememong dan Kuala Berang - Mengisytiharkan perang, menduduki balai polis, bangunan kerajaan dan mengibarkan bendera merah - Haji Abdul Rahman Limbong ditangkap dan dibicarakan di Kuala Terengganu – dijatuhi hukuman buang negeri ke Makkah atas kesalahan menghasut (c) Mencabar perjanjian Dato' Maharaja Lela pahlawan Melayu - Tindakan Sultan dan pembesar Perak menggunakan peguam untuk mencabar Perjanjian Pangkor menemui kegagalan kerana proses teknikal yang rumit - Perjanjian perlu disokong oleh British (d) Tipu muslihat Tok Janggut pejuang jihad - British mendesak Sultan Muhammad IV mengisytiharkan perjuangan Tok Janggut sebagai penderhakaan terhadap sultan Mat Salleh pahlawan Sabah - SBUB menggunakan tipu muslihat untuk melemahkan perjuangan - Rundingan Perdamaian Menggatal (1898), Mat Salleh dibenarkan mentadbir Tambunan - Pada tahun 1899, SBUB mengambil alih semula Tambunan

Faktor kelemahan pejuang tempatan

• Penentangan bersifat setempat	• British berpakat dengan Belanda
• Kelemahan teknologi	• Faktor istana
• Sakejan tidak menyeluruh	• Kelemahan strategi

Kesan terhadap pentadbiran British	Kesan terhadap masyarakat tempatan
(a) Kerugian akibat peperangan  • Kerugian 100 000 Pound Sterling dalam Perang Naning • Membelanjakan 400 000 Pound Sterling dalam Perang Perak • Kerugian 7 000 Pound Sterling dalam Perang Pahang (b) British lebih berhati-hati dalam sistem pentadbiran  • Melantik Residen berpengalaman, bijaksana, fasih berbahasa Melayu, pandai mengambil hati dan menguasai adat resam tempatan • Menubuhkan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) – ahlinya dilantik oleh sultan, dicadangkan oleh Residen • MMN menjadi badan penasihat sultan dan meluluskan “Perintah atau Peraturan Sultan dalam Majlis Mesyuarat” (c) Merombak semula Skim Penempatan Pegawai di negeri Melayu  • Menubuhkan Kolej Melayu Kuala Kangsar di Perak (1905) • Aristokrat Melayu menyertai Perkhidmatan Awam Tanah Melayu (<i>Malayan Civil Service, MCS</i>) • Orang Melayu dalam Perkhidmatan Tadbir Melayu (<i>Malay Administrative Service, MAS</i>) (d) Pemantapan kuasa Barat  • British menguasai seluruh negeri Melayu • James Brooke berjaya meluaskan pengaruh dan wilayah di Sarawak • SBUB menguasai Sabah (Borneo Utara)	(a) Pemerintah dan pembesar tempatan  • Kehilangan jawatan dan kedudukan – Dol Said, Dato’ Bahaman dan Sharif Masahor • Kehilangan jiwa – Dato’ Maharaja Lela, Rentap, Mat Salleh dan Tok Janggut • Dibuang negeri – Sultan Abdullah, Raja Ismail, Ngah Ibrahim dan Haji Abdul Rahman Limbong (b) Kedudukan raja dan pembesar Melayu diberi perhatian  • Durbar ditubuhkan oleh British untuk memberi peluang kepada sultan, ahli MMN dan pembesar Melayu menyuarakan pandangan dengan bebas berkaitan perkara yang melibatkan kepentingan bersama • Dalam persidangan MMN, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi persidangan dan menggunakan tulisan Jawi dalam urusan surat-menyurat (c) Inspirasi kepada pejuang kemerdekaan tanah air  • Keberanian menjadi inspirasi kepada pejuang bangsa • Memberi semangat kepada pejuang kemerdekaan